

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 28 OKTOBER 2015 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Proposals for holistic disaster management to be presented at conference	New Straits Times
2.	MOSTI sedia hadapi musim tengkujuh	Utusan Malaysia
3.	MOSTI ramal banjir kali ini tidak seteruk tahun lepas	BERNAMA
4.	Mosti forecasts flood not as severe as last year	Free Malaysia Today Online
5.	El Nino saving grace, says minister	Malay Mail
6.	Mosti ramal banjir kali ini tidak seteruk tahun lepas	Sinar Harian
7.	Floods won't be as severe this year	The Sun
8.	Dompok: Great honour to be envoy to Vatican	The Star
9.	Dompok ucap terima kasih kepada Najib dilantik sebagai duta ke Vatican City	BERNAMA
10.	Sasar komersialkan 360 produk R&D menjelang 2020	Utusan Malaysia
11.	Iktibar Bah Kuning, penduduk Kuala Krai atur persiapan hadapi bencana banjir	BERNAMA
12.	Air quality improves towards end of day	The Star
13.	No haze in November, says Met D-G	New Straits Times
14.	Monsun Timur Laut, selamatkan Malaysia	Kosmo
15.	Jerebu beralih arah ke Lautan Hindi	Kosmo
16.	Episod hujan pertama dijangka awal November	Harian Metro
17.	Monsoon Predictions	Malay Mail
18.	Mavcap labur RM2.95 juta	Utusan Malaysia

19.	MAVCAP labur RM2.95j dalam SimplyGiving.com	Berita Harian
20.	MAVCAP labur RM2.95 juta dalam SimplyGiving.com	Harian Metro
21.	Mahkamah: Barang kes Lahad Datu dianalisis di IPK Sabah - Saksi	BERNAMA
22.	Yayasan Sabah – Petronas berganding bahu pulihara KPNI	BERNAMA

Proposals for holistic disaster management to be presented at conference

KUALA LUMPUR: Astronautic Technology (M) Sdn Bhd, in collaboration with Southeast Asia Disaster Prevention Research Institute, will present proposals for sustainable disaster management using the latest technologies at a two-day conference.

The Technology and Applications For Disaster Management International Conference 2015 with the theme "Managing Disaster Efficiently with Technologies" will provide a platform for dialogue on Disaster Management in Malaysia.

Twenty-two presentations on disaster prevention, disaster risk man-

agement and education as well as prediction technologies will be made by experts, researchers and technology developers from both local and foreign countries such as Japan, Korea and Vietnam.

It also features the latest technology and applications in natural and technological disaster management in terms of prevention, early warning, rescue and recovery such as satellite technology, radar, unmanned aerial vehicle or drones.

Minister of Science, Technology and Innovation Datuk Seri Madius Tangau said he hoped the conference would offer the best solution

for Malaysia to face any disasters.

When disasters such as landslides, earthquakes, floods, haze and fires occur in Malaysia, it affects the country's economy, environment, health and safety.

"The threat of combined natural and technological disasters like the chemical explosions in Tianjin China are real. We need to have a more holistic and innovative approach in addressing disasters.

"An effective early warning system can make a difference between life and death, and we are looking towards integrating the country's early warning system," said Madius.

MOSTI sedia hadapi musim tengkujuh

KUALA LUMPUR 27 Okt. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sudah bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan bencana banjir di negara ini ekoran musim tengkujuh yang dijangka bermula November ini.

Menterinya, Datuk Seri Madius Tangau berkata, Jabatan Meteorologi menjangkakan musim tengkujuh akan berlaku dari November sehingga Mac tahun depan berikutan tiupan angin dari kawasan Siberia, Rusia yang bertiup ke negara ini.

"Namun begitu, diramalkan bencana banjir besar tidak berlaku di beberapa negeri seperti tahun lalu disebabkan fenomena El Nino sedang melanda dan akan berpanjangan sehingga Mac tahun depan," ujarnya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Teknologi dan Aplikasi bagi Pengurusan Bencana 2015 bertemakan *Penggunaan Teknologi untuk Pengurusan Bencana Mampan* di sini hari ini.

Yang turut hadir yang persidangan itu ialah Pengerusi Astrotech Technology (M) Sdn. Bhd. (ATSB), Prof. Datuk Dr. Kamarudin Hussin; Ketua Pegawai Eksekutif ATSB, Datuk Dr. Ahmad Sabirin Arshad dan Duta Jepun ke Malaysia, Dr. Makio Miyagawa.



MADIUS TANGAU

Menurutnya, El Nino merujuk kepada suhu permukaan laut panas di bahagian timur Pasifik yang sedikit sebanyak mampu mengurangkan risiko banjir besar seperti yang dialami semasa musim tengkujuh tahun lalu.

"Walau bagaimanapun kami akan terus mempergiatkan usaha dan bersedia untuk bekerjasama dengan dua agensi utama di bawah kementerian iaitu Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) dan Jabatan Meteorologi bagi memberi, memantau dan menyediakan data

serta imej-imej berkaitan iklim serta sebarang kemungkinan bencana yang berlaku agar langkah persediaan boleh dilakukan terutamanya pada peringkat akar umbi lagi," katanya.

Persidangan dua hari bermula hari ini memberi tumpuan kepada perbincangan mengenai teknologi serta aplikasi terkini dalam pengurusan bencana alam yang meliputi aspek pencegahan, amaran awal, misi menyelamatkan dan pemulihan pasca bencana.

Mengulas lanjut, Madius berkata, imej dan data yang dikeluarkan daripada ARSM berupaya membantu Agensi Pengurusan Bencana Negara mengatur pelbagai pelan rancangan dalam menghadapi dan bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan bencana alam.



MOSTI Ramal Banjir Kali Ini Tidak Seteruk Tahun Lepas - Madius

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi \(Mosti\)](#) menjangkakan banjir bulan depan tidak seteruk tahun lepas.

[Menterinya Datuk Seri Madius Tangau](#) berkata ini kerana musim tengkujuh yang diramal berlaku bulan depan tidak seteruk berbanding tahun lepas berikutan fenomena El Nino akan mengurangkan risiko banjir teruk.

"Pada tahun ini penyelamat kita sebenarnya ialah El Nino ... ekoran peningkatan kepanasan di kawasan Lautan Pasifik dan ini akan membantu menyederhanakan tengkujuh.

"Jadi kita meramalkan pada tahun ini banjir memang ada tetapi tidak lagi seteruk tahun lepas sebab adanya El Nino," katanya kepada pemberita.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Teknologi dan Aplikasi Dalam Pengurusan Bencana (TADMIC) 2015, di sini Selasa.

Dalam pada itu, Madius berkata kementeriaannya sudah membuat persediaan menghadapi kemungkinan banjir pada tahun ini dengan menyalurkan input dan bantuan diperlukan kepada pihak yang bertanggungjawab.

"Kami akan memberi data-data tentang iklim dan keadaan semasa kepada pihak yang bertanggungjawab seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN) supaya persediaan awal boleh dibuat terutamanya di tempat-tempat yang berisiko tinggi seperti di Pantai Timur," katanya.

Selain daripada menyediakan maklumat, Mosti juga akan menggunakan teknologi yang sedia ada seperti imej satelit supaya pelbagai rancangan bagi menghadapi banjir dapat dilaksanakan di peringkat awal.

"[Agensi Remote Sensing Malaysia \(ARSM\) di bawah Mosti](#) ada itu semua, imej-imej ini kita boleh sediakan dan bagi kepada APBN supaya mereka dapat bersedia lebih awal," kata Madius.

Persidangan TADMIC menumpukan pada teknologi serta aplikasi terkini dalam pengurusan bencana alam dan teknologi yang meliputi aspek pencegahan, amaran awal, misi menyelamatkan dan pemulihan pasca bencana.



Mosti forecasts flood not as severe as last year

Minister says saving grace is El Nino following increase in heat in Pacific Ocean areas which will help moderate the monsoon.



KUALA LUMPUR: The Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti) is expecting next month's anticipated flood to be not as severe as last year, said its Minister Wilfred Madius Tangau.

He said this was because the monsoon season forecasted for next month would not be as strong as last year following the El Nino phenomenon that would lower the risk of a major flood.

"This year's saving grace is actually El Nino following an increase in heat in the Pacific Ocean areas and this will help moderate the monsoon.

"So we are predicting the flood this year will not be as severe due to the El Nino effect," he told reporters after opening 'The Technology and Applications For Disaster Management International Conference (TADMIC) 2015' here today.

In this regard, Madius said his ministry was prepared to face any eventuality of flood this year by providing assistance to the relevant parties.

"We will provide data on the climate and current situation to the parties responsible such as the National Disaster Management Agency (APBN) so that early preparations can be made especially at high-risk places in the East Coast," he said.

Apart from supplying information, Mosti will also use existing technology such as satellite images so that various flood programmes can be activated earlier.

"The Malaysian Remote Sensing Agency under Mosti has the capability, we can provide images to APBN to enable them to prepare earlier," said Madius.

The TADMIC conference will focus on the latest technology and applications in natural disaster management as well as technology encompassing preventive aspects such as early warnings, rescue missions and post-disaster recovery.

— *BERNAMA*

KERATAN AKHBAR
MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 5
TARIKH: 28 OKTOBER 2015 (RABU)

El Nino saving grace, says minister

By Nurul Huda Jamaludin
nurulhuda@mmail.com.my

KUALA LUMPUR — The Science, Technology and Innovation Ministry does not expect the floods during the current wet season to be as severe as last year because of the El Niño weather phenomenon.

Its minister, Datuk Wilfred Madius Tangau, said less rainfall was expected during the northeast monsoon season this year because of El Nino, which caused drier conditions.

"This year's saving grace is actually El Nino, which would affect the intensity of the monsoon season because of the heat in the Pacific Ocean," he told reporters after officiating at the Disaster Management Application and

Technology International Conference yesterday.

His ministry would keep agencies such as the National Disaster Management Agency abreast with the latest weather conditions so they would be able to make early preparations, especially in areas like the east coast, which was hard-hit by the floods last year.

Tangau said existing technologies such as satellites would also be used to improve preparedness.

In December last year, thousands were evacuated in Perak, Kelantan, Terengganu and Pahang because of the floods.

Universiti Malaya Institute of Earth and Ocean Sciences deputy director Prof Datuk Dr Azizan Abu Samah said the floods expected this year would be less severe.

He said the El Nino phenomenon would weaken the cold surge that caused flooding.

"We don't expect the flooding will be as bad. Normally,

(during monsoon), there will be four or five cold surges, each causing heavy rains that last for days," he said.

"However, research has shown the cold surge will be weaker and the downpour would be less due to the influence of El Nino."

According to the Malaysian Meteorological Department website, El Nino could persist at a 95 per cent probability until February.

In the northeast monsoon, cold surges happen when the north-easterly winds from Siberia (high pressure area) blow towards the northern end of the monsoon trough, which is the low pressure area in Kelantan and other east coast states.

Azizan said the monsoon rain was expected to hit Kelantan first in November.

"It will move downwards towards the other east coast states (Terengganu and Pahang) and will be somewhere near Kuching by late December," he said.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 9
TARIKH: 28 OKTOBER 2015 (RABU)

Mosti ramal banjir kali ini tidak seteruk tahun lalu

KUALA LUMPUR - Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (Mosti) menjangkakan banjir bulan depan tidak seteruk tahun lalu.

Menterinya Datuk Seri Madius Tangau berkata, ini kerana musim tengkujuh di-ramal berlaku bulan depan tidak seteruk berbanding tahun lalu berikutan fenomena El Nino akan mengurangkan risiko banjir teruk.

"Tahun ini, penyelamat kita sebenarnya ialah El Nino... ekoran peningkatan kepanasan di kawasan Lautan Pasifik dan ini akan membantu menyederhanakan tengkujuh.

"Jadi kita meramalkan tahun ini banjir ada tetapi tidak lagi seteruk tahun lalu sebab adanya El Nino," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Teknologi dan Aplikasi Dalam Pengurusan Bencana (Tadmik) 2015.

Madius berkata, kementerianya sudah membuat persediaan menghadapi banjir pada tahun ini dengan menyalurkan input dan bantuan diperlukan kepada pihak yang bertanggungjawab.

"Kami akan memberi data-data iklim dan keadaan semasa kepada pihak bertanggungjawab seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN) supaya persediaan awal dibuat terutamanya di tempat berisiko tinggi seperti di pantai timur," katanya.

Mosti juga akan menggunakan teknologi sedia ada seperti imej satelit supaya pelbagai rancangan bagi menghadapi banjir dapat dilaksanakan di peringkat awal.

"Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) di bawah Mosti ada semua, imej-imej ini kita boleh sediakan dan bagi APBN supaya mereka bersedia awal," katanya. - *Bernama*

'Floods **won't** be as severe this year'

> Ministry: El Nino will help moderate monsoon rains

KUALA LUMPUR: The Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti) does not expect next month's anticipated flood to be as severe as last year's, said its Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.

He said this was because the monsoon rains forecasted for next month would not be as strong as last year's following the El Nino phenomenon which would lower the risk of a major flood.

"This year's saving grace is actually the El Nino following an increase in heat in the Pacific Ocean areas and this will help moderate the monsoon.

"So we are predicting the flood this year to not be severe due to the El Nino effect," he told reporters after opening

Two Malaysian Flavours,
One Malaysian Favourite.



"The Technology and Applications for Disaster Management International Conference (Tadmic) 2015" here yesterday.

However, Madius said his ministry is prepared to face any possibility of a major flood this year by providing assistance to

the relevant parties.

"We will provide data on the climate and current situation to the National Disaster Management Agency (APBN) so that early preparations can be made, especially at high-risk places in the East Coast," he said.

Apart from supplying information, Mosti will also use existing technology such as satellite images so that various flood programmes can be activated earlier.

"The Malaysian Remote Sensing Agency under Mosti has the capability to provide images to APBN for early preparations," said Madius.

The Tadmic conference will focus on latest technologies and applications in natural disaster management as well as technologies encompassing preventive aspects such as early warning, rescue mission and post-disaster recovery. - Bernama

Dompok: Great honour to be envoy to Vatican

KOTA KINABALU: Former minister Tan Sri Bernard Dompok says he is humbled to be named as Malaysia's first resident ambassador to the Vatican.

"It is a great honour to be named first resident ambassador of Malaysia to the Holy See and also ambassador to Malta and Albania.

"I thank Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak, Foreign

Minister Datuk Seri Anifah Aman and Science, Technology and Innovation Minister Datuk Wilfred Tanggau," he said in a statement yesterday.

Dompok, the former Upko president who quit politics after losing his Penampang parliamentary seat in the 2013 general election, said it was during his tenure in the Federal Cabinet when the proposal to set up

diplomatic ties with the Vatican was first mooted.

He said the matter was discussed during his visit to the Vatican with then prime minister Tun Dr Mahathir Mohamad to pay a courtesy call on Pope John Paul II in 2002.

He added that discussions were also held during Tun Abdullah Ahmad Badawi's term as prime minister.

The Apostolic Delegate of the Vatican to Malaysia flew in from Bangkok to hold discussions on the matter.

"It was only when Najib became Prime Minister and Anifah the Foreign Minister that the matter was taken up seriously," said Dompok.

Najib paid a courtesy call on Pope Benedict at his summer residence Castel Gandolfo in 2012.



Dompok Ucap Terima Kasih Kepada Najib Dilantik Sebagai Duta Ke Vatican City

KOTA KINABALU, 27 Okt (Bernama) -- Bekas menteri persekutuan Tan Sri Bernard Dompok hari ini mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak atas keputusan kerajaan melantik beliau sebagai duta tetap pertama ke Vatican City serta duta ke Malta dan Albania.

Dompok yang juga bekas Ketua Menteri Sabah turut menyampaikan ucapan terima kasih kepada Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman dan [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Wilfred Madius Tangau](#).

"Saya teringat tahun-tahun awal apabila cadangan mengadakan hubungan diplomatik dengan Vatican ini dibangkitkan pertama kali semasa Tun Dr Mahathir Mohamad masih Perdana Menteri. Ia dibincangkan semasa lawatan beliau (Dr Mahathir) ke Vatican bertemu Paus John Paul II.

"Perbincangan turut diadakan semasa pentadbiran Tun Abdullah Ahmad Badawi. Delegasi Vatican telah terbang ke Malaysia dari Bangkok untuk bertemu Perdana Menteri dan hubungan diplomatik telah dibincang," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Menurut Dompok menjadi keistimewaan bagi dirinya turut hadir dalam semua perbincangan mengenai menjalin hubungan diplomatik serta perbincangan susulan dengan Menteri Luar tetapi pada masa itu ia tidak dianggap perkara serius.

"Hanya semasa Datuk Seri Najib menjadi Perdana Menteri dan Datuk Seri Anifah Aman sebagai Menteri Luar perkara ini diberi perhatian serius dan dipersetujui kabinet.

"Semasa Perdana Menteri mengunjungi Paus Benedict di kediaman musim panas Castel Gandolfo, hubungan diplomatik antara Malaysia dan Vatican telah menjadi rasmi," jelas beliau.

Dompok turut melahirkan rasa rendah diri kerana diberi penghormatan sebagai duta tetap Malaysia pertama di bandar penganut Kristian Gereja Katolik serta duta ke Malta dan Albania.

Beliau pernah menyandang jawatan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam kabinet persekutuan.

-- BERNAMA

Sasar komersialkan 360 produk R&D menjelang 2020

PUTRAJAYA 27 Okt. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berhasrat mengkomersialkan sebanyak 360 produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) berimpak tinggi menjelang 2020 sekali gus dapat meningkatkan pendapatan negara.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar Mohd. Diah berkata, sasaran berkenaan dibuat bagi merancakkan sektor inovasi tempatan dengan menggalakkan lebih banyak syarikat menempatkan jenama mereka di pasaran tempatan atau antarabangsa.

Beliau berkata, pada tahun lalu, sebanyak 64 produk R&D telah dikomersialkan dan tahun ini hampir 70 produk hasil R&D yang dilakukan oleh institusi pengajian tinggi (IPT), agensi kerajaan dan pihak swasta akan dikomersialkan.

"Sasaran untuk mengkomersialkan 360 produk R&D menjelang 2020 adalah realistik dan kami memfokuskan produk yang berimpak tinggi sama ada dari sektor farmaseutikal, elektrik dan elektronik atau makanan dan minuman.

"Kita berharap semua produk penyelidikan yang dihasilkan dapat dijual dalam pasaran dan

untuk memastikan perkara itu menjadi kenyataan, kita harus meningkatkan kadar pengkomersialan," katanya dalam sidang akhbar selepas menutup Program Kerjasama Teknikal Malaysia 2015 di sini hari ini.

Yang hadir sama Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia, Datuk Fadilah Baharin.

Menurut Abu Bakar, bagi mencapai sasaran tersebut, setiap tahun negara perlu menghasilkan sekurang-kurangnya 60 produk R&D yang berjaya dikomersialkan di pasar raya, kedai serba guna dan premis perniagaan bagi memastikan inovasi yang dihasilkan tidak sia-sia.

"Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) kerajaan memperuntukan RM3.2 bilion untuk geran pembangunan R&D dan bagi Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10), peruntukan sebanyak RM850 juta diluluskan untuk dibelanjakan untuk tujuan sama," katanya.

Selain itu katanya, MOSTI juga akan menghantar satu pasukan khas bagi meneliti masalah dan kesukaran yang mungkin dihadapi penerima geran untuk penghasilan produk R&D dalam

usaha mereka mengkomersialkan produk masing-masing.

"Pasukan itu akan melihat masalah atau kesukaran yang dihadapi sama ada daripada segi modal, pemasaran atau penghasilan produk inovasi berimpak tinggi.

"Kalau tiada modal kita akan bantu memadankan dengan syarikat yang sesuai dan boleh memberi bantuan seperti Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM) dan Sirim Berhad," katanya.

Mengulas mengenai Program Kerjasama Teknikal Malaysia 2015, Abu Bakar berkata, program berkenaan yang berlangsung selama sembilan hari akan membincangkan topik berkaitan standard halal dan infrastruktur pematuhan bagi negara yang menganggotai Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

"Program berkenaan melibatkan peserta dari 11 negara iaitu Mesir, Gambia, Jordan, Mali, Pakistan, Turki, Uganda, Uzbekistan, Sudan, Kazakhstan dan Arab Saudi. Kesemua peserta berkongsi pendapat mengenai standard halal dan infrastruktur pematuhan di negara masing-masing," katanya.



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (kiri) dan Fadilah Baharin (duduk, empat dari kiri) bersama peserta seminar dalam Program Kerjasama Teknikal Malaysia 2015 di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN



Iktibar Bah Kuning, Penduduk Kuala Krai Atur Persiapan Hadapi Bencana Banjir



Inilah pemandangan Sekolah Kebangsaan Manek Urai sebelum air naik hingga tingkat dua
Foto Bernama

Dengan musim monsun semakin hampir, penulis Bernama, Mohd Noor Iqram Rosli meninjau persediaan oleh penduduk Kuala Krai sebagai ikhtiar sekiranya berlaku lagi banjir yang seumpama. Pada akhir 2014, Kuala Krai adalah antara daerah yang teruk dilanda banjir di pantai timur.

Oleh Mohd Noor Iqram Rosli

KUALA KRAI (Bernama) -- Tanggal 23 Dis, 2014, rakyat Malaysia menyaksikan satu fenomena alam yang sangat luar biasa, bah kuning yang telah menenggelamkan sebahagian besar bumi Kelantan.

Hujan lebat yang tidak henti-henti mencurah dalam tempoh beberapa hari menyebabkan paras air di sungai-sungai utama seperti Sungai Galas, Sungai Lebir, Sungai Nenggiri dan Sungai Kelantan mulai memenuhi dan melimpah hampir ke seluruh jajahan negeri ini.

Mengikut rekod statistik oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) Kelantan, lebih 170,000 keluarga di negeri ini terpaksa dipindahkan ke 170 pusat pemindahan.

Kuala Krai antara jajahan yang paling teruk terjejas apabila 16,734 keluarga ditempatkan di 83 pusat pemindahan. Bencana banjir itu juga menyebabkan 1,927 buah rumah musnah dihanyut arus deras luar biasa.

Banjir besar luar jangkaan itu, bukan sahaja menyebabkan ribuan penduduk panik untuk menyelamatkan diri malah berlaku situasi 'kelam kabut' dalam kalangan jabatan dan agensi kerajaan yang ditugaskan dalam operasi menyelamatkan dan menghulurkan bantuan seperti bekalan makanan dan keperluan asas lain.

Situasi bertambah 'perit' apabila jalan perhubungan darat, bekalan elektrik dan telekomunikasi terputus. Bantuan melalui udara juga agak terbatas apabila berlaku cuaca buruk dan tiada tapak pendaratan helikopter di kebanyakan kawasan yang dilanda banjir.

MUSIBAH BANJIR BERI BANYAK PENGAJARAN

Musibah banjir ini sebenarnya telah memberi banyak pengajaran kepada semua pihak terutama masyarakat dan agensi kerajaan dalam membentuk Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi menghadapi bencana tersebut.

Setelah hampir sembilan bulan peristiwa itu berlalu, pelbagai langkah strategik dan drastik telah diambil bagi mengelakkan tragedi bah kuning berulang kembali.

Lazimnya di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung -- Kelantan, Terengganu dan Pahang, musim tengkujuh yang kemungkinan berlakunya banjir akan bermula dari November hingga Mac.

Antara pelbagai pihak yang tampil membuat penambahbaikan bagi menghadapi bencana alam itu ialah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kelantan yang telah mengadakan Kursus Pengurusan Bencana Peringkat Komuniti di Kuala Krai selama tiga hari berakhir 6 Okt lepas.

Kursus itu melibatkan lebih 100 ketua komuniti di seluruh Jajahan Kuala Krai, suatu pendedahan yang dilihat cukup bermakna dalam ikhtiar menghadapi banjir.

Kursus berkenaan turut mendapat kerjasama Pejabat Tanah dan Jajahan Kuala Krai, Majlis Keselamatan Negara, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pengairan dan Saliran serta [Jabatan Meteorologi Malaysia](#).

PELBAGAI LANGKAH DAN STRATEGI DIATUR

Pelbagai langkah dan strategi diatur JBPM Kelantan dalam usaha menghadapi kemungkinan banjir tahun ini berdasarkan pengalaman 'bertarung' banjir besar tahun lepas.

Pengarah JBPM Kelantan Azmi Osman berkata antara strategi diambil adalah mengerakkan beberapa bot lebih awal ke kawasan berisiko tinggi seperti Gua Musang, Kuala Krai dan Pasir Mas.

"Kita juga menambah beberapa kenderaan di laluan darat seperti tiga buah lori bagi membantu melancarkan operasi menyelamatkan," katanya.

Azmi berkata ketua komuniti juga memainkan peranan penting dalam membantu agensi keselamatan menghadapi bencana banjir termasuk mereka perlu tahu keadaan dan situasi yang dihadapi dan secara tidak langsung ia membantu setiap agensi terutama bomba untuk memberi bantuan dengan lancar dan cepat.

KETUA KOMUNITI BUAT PERSIAPAN

Beberapa ketua komuniti yang ditemui BERNAMA berharap bencana banjir besar tidak berulang lagi namun mereka tetap membuat persiapan sedaya mungkin.

Ketua Penggawa jajahan Dabong, Ab Aziz Ibrahim, 52, berkata segala strategi telah diatur oleh beliau dan penduduk bagi memastikan persiapan menghadapi banjir tahun ini berjalan lancar.

"Saya telah mengarahkan anggota jawatankuasa di tempat saya supaya mengenalpasti beberapa kawasan yang sukar untuk kita menyelamatkan penduduk apabila berlaku banjir.

"Jadi bila berlaku bencana banjir kami sudah tahu cara bagaimana untuk kami menyelamatkan diri selain membantu pihak agensi berkuasa untuk pergi ke kawasan terbabit," katanya.

Ab Aziz yang berkhidmat selama 13 tahun di kawasan berkenaan tidak dapat menggambarkan situasi beliau bersama penduduk kampung itu ketika berhadapan dengan banjir besar itu.

"Kira-kira 16,000 penduduk di kawasan ini (Dabong) dan kami semua terpaksa membantu antara satu sama lain untuk menyelamatkan nyawa masing-masing.

"Tempat kami yang agak jauh dan pedalaman amat menyukarkan pihak agensi untuk menghulurkan bantuan. kami semua terpaksa menahan lapar dan sebagainya," katanya.

Kini Ab Aziz dan penduduk kampung terbabit telah bersiap siaga untuk menghadapi sebarang kemungkinan sekiranya kawasan tersebut diuji semula dengan bencana banjir.

PASTIKAN KEPERLUAN PENDUDUK MENCUKUPI

Sementara itu, Penghulu Wanita Tanpa Mukim Parlimen Kuala Krai, Hazura Hamezah, 46, berkata beliau amat positif dan optimis bagi memastikan segala keperluan dan keselamatan penduduk di kawasannya terjaga sekiranya bencana banjir itu berulang kembali.

"Perkara yang utama adalah saya akan memastikan segala keperluan, barangan dan keselamatan sudah mencukupi untuk diberikan kepada mangsa banjir.

"Segala kebajikan penduduk di kawasan ini adalah tanggungjawab saya dan saya akan pastikan segala persediaan telah dirancang dengan teratur sebelum musim tengkujuh nanti," katanya.

Hazura yang pernah memegang jawatan sebagai penghulu wanita Dewan Undangan Negeri (DUN) Manek Urai selama 10 tahun sebelum menyandang jawatan terkini selama dua tahun.

"Inilah kali pertama saya menghadapi situasi begini (banjir) dan sebagai ketua saya harus sentiasa positif dalam menjaga dan membantu masyarakat di kawasan saya," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Manek Urai Selatan, Che Din Noh, 55, berkata pihaknya telah membuat perancangan awal dengan menambahkan lagi beberapa tempat pusat pemindahan kepada mangsa banjir.

"Sebelum ini kebanyakan mangsa berpindah di Sekolah Kebangsaan Manek Urai...di situ pun hanya satu tingkat saja lagi air tak masuk (tiga tingkat lagi sudah tenggelam).

"Oleh itu, kami telah mewujudkan empat pusat pemindahan sementara di beberapa kawasan yang telah dikenal pasti dan satu tempat lagi di atas bukit untuk helikopter mendarat memberi bantuan dan menyelamatkan kepada mangsa banjir," katanya.

Pengerusi JKKKP Manjor Utara dan Kampung Pemberian, Zulkifli Omar, 51, berkata beliau telah menubuhkan jawatankuasa khas untuk menghadapi banjir tahun ini.

"Saya telah membuat perancangan dan persediaan awal dengan mengatur beberapa langkah dan program untuk masyarakat di sini seperti cara-cara menyelamatkan diri dan keluarga sebelum banjir menjadi buruk," katanya.

Persiapan itu penting namun didoakan musibah bah kuning tidak berulang pada tahun ini.

-- BERNAMA

Air quality improves towards end of day

KUALA LUMPUR: The air quality in Banting, Selangor, improved from an unhealthy air pollutant index (API) reading of 103 at noon to a moderate 93.

The Department of Environment's portal had Larkin Lama and Pasir Gudang in Johor, which had unhealthy API readings yesterday morning, registering moderate readings of 93 and 85 respectively as of 8pm.

Other areas which registered moderate readings included Port Klang (79), Petaling Jaya (64), Bukit Rambai, Port Dickson, Putrajaya and Cheras, Kuala Lumpur (80 each), Malacca (77), Kota Tinggi (63), Nilai (74), Seremban (72) and Muar (63).

An API reading of 0 to 50 indicates good air quality; 51 to 100, moderate; 101 to 200, unhealthy; 201 to 300, very unhealthy; and 300 and above, hazardous.

Malaysian Meteorological Department director-general Datuk Che Gayah Ismail said the haze was expected to end next month.

She said the northeast monsoon was expected to commence in the first or second week of November, and would end in the second week of March next year.

"Beginning November, we will experience the northeast monsoon winds. This means the wind from the South China Sea will not bring in the haze from Indonesia, and the country will be free from the haze," she said.

She said the Science, Technology



Still hazy: Two men trying their luck at catching fish at a former mining pool in Puchong, Selangor.

and Innovation Ministry had implemented 29 cloud-seeding operations to reduce the effects of haze since March.

Che Gayah said cloud-seeding operations would be continued in areas which recorded unhealthy API over a period of 72 hours.

"Cloud seeding has successfully produced rainfall in some areas

affected by the haze, including the Klang Valley," she said.

Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar is scheduled to meet Indonesian officials on the assistance required from Malaysia to fight forest fires in the republic.

He said Malaysia had sent an air-

craft to Indonesia to extinguish the forest fires and the Indonesian government said it had helped a bit. — Bernama

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 12
TARIKH: 28 OKTOBER 2015 (RABU)

No haze in November, says Met D-G

KUALA LUMPUR: The Malaysian Meteorological Department (Met) has confirmed that there would be no more transboundary haze coming to Malaysia this November.

The current haze enveloping the southern peninsula is due to the presence of tropical storms in the South China Sea, which affected wind patterns and brought the smoke from forest fires in Indonesia back to the country.

Met director-general Datuk Che Gayah Ismail said the coming north-eastern winds would clear out the haze next month.

"The light and variable wind will prevent transboundary haze from coming to Malaysia, and the wetter weather will clear away any remaining particles," she said.

Gayah said the northeast monsoon season, which is expected to continue from November to March, would keep Malaysia haze-free, even with forest fires still raging in Sumatra and southern Kalimantan.

The air pollutant index (API) reading at Banting saw a big jump from 74 yesterday morning to 102 at 1pm. It recorded a lower reading of 98 by 4pm.

Gayah said the increase was not due to the transboundary haze but from other pollutants.

"There could be a fire near the monitoring stations that recorded the reading," she said.

Selangor Fire and Rescue spokesman Lizawati Mohd Nasir said there was a small fire at Banting but it should not have affected the air quality.

"It was just a small fire that occurred at 10am. There was no other fire in the area."

Monsun Timur Laut selamatkan Malaysia

Jerebu mula hilang sedikit demi sedikit



BEGINILAH keadaan bandar Kuantan, Pahang yang kelihatan bersih daripada jerebu semalam.

SELEPAS tiga bulan mengharungi keadaan jerebu yang menyeksakan kehidupan, rakyat Malaysia kini boleh menarik nafas lega apabila pencemaran udara angara pembakaran hutan di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia mula pulih sedikit demi sedikit.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail berkata, angin Monsun Timur Laut yang bermula beberapa hari lalu bertindak menghalang jerebu dari negara jiran itu daripada terus memasuki ruang udara negara ini.

"Angin Monsun Timur Laut ketika ini menolak jerebu ke arah berlawanan

dengan membawanya ke Lautan Hindi. Hujan dan keadaan cuaca yang lembab akibat kehadiran monsun tersebut akan menghilangkan saki-baki jerebu sedia ada," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Sementara itu, jerebu yang melanda pulau Jawa, termasuk ibu kota Jakarta, ketika ini menyebabkan republik Indonesia mempertimbangkan pengisytiharan Darurat Jerebu manakala Presiden Indonesia, Joko Widodo terpaksa bergegas pulang sehari lebih awal daripada lawatan rasminya ke Amerika Syarikat bagi menangani masalah tersebut.



LANGIT biru jelas kelihatan di Kuala Terengganu yang kini bebas jerebu.

Bergerak ke Lautan Hindi disebabkan kedatangan angin Monsun Timur Laut Jerebu beralih arah ke Lautan Hindi

KUALA LUMPUR — Rakyat Malaysia boleh menarik nafas lega selepas bergelut dengan masalah jerebu sejak beberapa bulan lalu apabila kedatangan angin Monsun Timur Laut ketika ini akan menghalang jerebu daripada memasuki negara ini.

Angin Monsun Timur Laut yang bermula beberapa hari lalu dan dijangka berakhir pada Mac 2016 itu akan menolak jerebu daripada sampai ke negara ini dan membawanya ke Lautan Hindi.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail berkata, tiupan angin timur laut yang bertiup secara berterusan merentasi Laut China Selatan ke negara ini akan menghalang jerebu rentas sempadan untuk sampai ke Malaysia.

"Angin dari arah timur

laut ini akan menghalang jerebu rentas sempadan daripada sampai ke negara ini dan membawa sisa jerebu itu ke Lautan Hindi.

"Hujan dan keadaan cuaca lembab ketika ini juga membantu menghilangkan saki baki jerebu yang ada," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Malaysia mengalami jerebu yang mengakibatkan lebih 1,000 buah sekolah terpaksa ditutup manakala sejumlah kawasan mencatatkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat akibat aktiviti pembakaran hutan dan tanah terbuka di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia sejak Ogos lalu.

Bagaimanapun, Che Gayah berkata, jika jerebu masih berlaku dalam tempoh angin Monsun Timur Laut ia adalah disebabkan pencemaran domestik seperti asap kilang



dan kenderaan. "Pada akhir monsun nanti iaitu sekitar Januari, keadaan cuaca akan sedikit kering dan sekiranya jerebu berlaku ia adalah disebabkan oleh aktiviti

manusia," ujarnya. Setakat pukul 5 petang semalam, hanya sebuah kawasan iaitu Larkin Lama, Johor mencatatkan IPU tidak sihat dengan bacaan 131.

Pada akhir monsun nanti iaitu sekitar Januari, keadaan cuaca akan sedikit kering dan sekiranya jerebu berlaku ia adalah disebabkan oleh aktiviti manusia

CHE GAYAH ISMAIL

INFO INDEKS PENCEMARAN UDARA

	9 pagi	7 malam
Selangor		
Banting	72	79
Pelabuhan Klang	72	78
Petaling Jaya	55	63
Shah Alam	65	92
Wilayah Persekutuan		
Batu Muda	55	59
Cheras	58	59
Putrajaya	61	68
Melaka		
Bandaraya Melaka	78	77
Bukit Rambai	83	80
Negeri Sembilan		
Nila	70	76
Port Dickson	70	79
Seremban	71	82
Johor		
Kota Tinggi	80	54
Larkin Lama	105	94
Muar	70	65
Pasir Gudang	102	88
Pahang		
Indera Mahkota	38	32
Kedah		
Alor Setar	31	38
Pertis		
Kangar	30	36
Perak		
SK Jalan Pegoh, Ipoh	53	49
Taiping	55	45
Tanjung Malim	46	45
Pulau Pinang		
Seberang Jaya 2, Perai	62	60
Sabah		
Tawau	27	45
Sarawak		
Kuching	60	53
Sri Aman	62	57
IPU		
0-50		
51-100		
101-200		
201-300		
301-400		
500		
Status		
Baik		
Sederhana		
Tidak sihat		
Sangat tidak sihat		
Berbahaya		
Darurat		



JEREBU yang melanda Kuala Lumpur baru-baru ini adalah berpunca daripada aktiviti pembakaran hutan yang berlaku di Sumatera, Indonesia.



BEGINILAH keadaan cuaca tanpa jerebu di sekitar bandar raya George Town, Pulau Pinang semalam.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 22
TARIKH: 28 OKTOBER 2015 (RABU)

Kuala Lumpur

Episod hujan pertama dijangka awal November

Negara akan mengalami episod hujan pertama yang dijangka berlaku pada awal minggu pertama November akibat daripada perubahan Monsun Timur Laut atau dikenali sebagai musim tengkujuh.

Keadaan itu akan memulihkan cuaca jerebu di seluruh negara dan tiada jerebu yang akan merentasi sempadan sepanjang musim tengkujuh yang berlanjutan sehingga Mac 2016.

Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Datuk Che Gayah Ismail berkata, negara dijangka mengalami empat episod hujan lebat menyeluruh selama tiga hingga lima hari secara berterusan.

"Cuaca ini akan menyebabkan kejadian banjir di negeri pantai timur Semenanjung bermula November ini hingga Januari 2016 manakala di barat Sarawak pada Januari hingga Februari 2016.

"Jadi, cuaca ini akan menghalang jerebu merentasi sempadan dari kebakaran hutan di Indonesia daripada tiba ke negara ini," katanya, semalam.

KERATAN AKHBAR
MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 5
TARIKH: 28 OKTOBER 2015 (RABU)

MONSOON PREDICTIONS

- Four episodes of heavy rainfall are expected between November and March.
- Each episode will last three to five days.
- Floods are expected to hit the east coast of Peninsular Malaysia between November and January.
- The western region of Sarawak to experience floods from January to February.
- It is not known when or where the episodes will take place due to the limitations of the current weather module in the country, which only allows a forecast seven days ahead.

Source Malaysian Meteorological Department

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 18
TARIKH: 28 OKTOBER 2015 (RABU)

Mavcap labur RM2.95 juta

KUALA LUMPUR 27 Okt. - Malaysia Venture Capital Management Bhd. (Mavcap) melabur sebanyak RM2.95 juta dalam *SimplyGiving.com*, sebuah platform pendanaan orang ramai yang berkembang paling pesat di Asia bagi mengembangkan perniagaan serta melancarkan inovasi baharu yang memberi fokus kepada membantu organisasi meningkatkan impak sosial mereka melalui teknologi.

Ketua Pegawai Eksekutif Mavcap, Jamaludin Bujang berkata, melalui pelaburan langsung dan dana Mavcap, syarikat itu menyaksikan beberapa perkara yang memberangsangkan dan ia sentiasa berminat dalam syarikat yang membuat sumbangan positif melalui teknologi.

Mavcap, dimiliki Menteri Kewangan Diperbadankan untuk memupuk syarikat ICT, berada di tengah ekosistem pelaburan yang semakin berkembang di rantau ini.

"Platform *SimplyGiving.com* telah membolehkan hampir 30,000 orang menyokong usaha sosial kegemaran mereka melalui derma dalam talian.

"Model perniagaan itu kukuh dan kami percaya mereka mempunyai pasukan yang tepat dengan teknologi yang tepat untuk menjayakan usaha mereka itu," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

MAVCAP labur RM2.95j dalam SimplyGiving.com

Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP) akan melabur RM2.95 juta dalam syarikat pemula e-dagang, SimplyGiving.com, yang membantu syarikat perusahaan sosial dan bukan berasaskan keuntungan membatikan diri dengan penyokong dalam talian.

MAVCAP dalam kenyataannya berkata, platform dana sosial masyarakat itu akan menggunakan dana itu untuk meneruskan pengembangannya di rantau ini dan melancarkan inovasi baharu yang memberi tumpuan kepada membantu organisasi meningkatkan kesan sosial mereka melalui teknologi.

Ketua Pegawai Eksekutif SimplyGiving.com, Kristofer Rogers, berkata syarikat itu mencari rakan kongsi yang akan membawa lebih daripada sekadar wang serta boleh membantu dengan memberi bimbingan dan nasihat.

"Saya tahu ada minat yang tulus daripada MAVCAP untuk membantu mencapai misi kami, bukan saja untuk mengembangkan perniagaan kami, tetapi pada masa yang sama, juga untuk mencapai kesan sosial yang lebih besar," katanya dalam kenyataan itu.

MAVCAP, syarikat modal teroka yang ditubuhkan pada tahun 2001 oleh kerajaan Malaysia untuk menyemarakkan syarikat teknologi maklumat dan komunikasi, sudah berada di pusat ekosistem pelaburan yang semakin meningkat di rantau ini.

MAVCAP labur RM2.95 juta dalam SimplyGiving.com

Kuala Lumpur: Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP) melabur RM2.95 juta dalam SimplyGiving.com, platform pengumpulan dana awam yang berkembang pesat di Asia bagi membantu perusahaan sosial dan bukan berasaskan keuntungan.

Ketua Pegawai Eksekutif MAVCAP Jamaludin Bujang berkata, melalui pelaburan langsung dan dana MAVCAP, syarikat itu berminat dalam syarikat yang membuat sumbangan po-



JAMALUDIN

sitif melalui teknologi.

"Platform SimplyGiving.com membolehkan hampir 30,000 menyokong

usaha sosial kegemaran mereka melalui derma dalam talian.

"Model perniagaan itu kukuh dan kami percaya ia mempunyai pasukan dan teknologi yang tepat untuk menjayakan usaha mereka," katanya.

Sementara itu, CEO SimplyGiving.com, Kristofer Rogers yakin pemberian dana awam akan mengubah secara dramatik cara pembiayaan untuk perusahaan sosial dan bukan berasaskan keuntungan di Asia.



Mahkamah: Barang Kes Lahad Datu Dianalisis Di IPK Sabah - Saksi

KOTA KINABALU, 27 Okt (Bernama) -- Seorang pengurus keselamatan siber melakukan analisis barang kes pencerobohan Lahad Datu di Ibu Pejabat Kontinjen Polis Sabah (IPK Sabah), Mahkamah Tinggi di sini diberitahu hari ini.

Fauzi Mohd Darus daripada CyberSecurity Malaysia berkata analisis itu dilakukan berikutan permintaan selanjutnya oleh seorang pegawai penyiasat.

Beliau berkata permintaan itu dibuat selepas beliau mengembalikan barang kes itu pada 14 April tahun lepas kepada pegawai penyiasat sebaik selesai melakukan pemeriksaan awal ke atas barang kes itu terdiri daripada enam telefon bimbit dan satu kad SIM.

"Saya menjalankan analisis di IPK Sabah pada 16 April 2014 menggunakan alat forensik XRY v6.8 untuk menganalisis telefon bimbit dan alat forensik XRY v6.6.1 untuk menganalisis kad SIM," katanya.

Fauzi memberi keterangan dalam perbicaraan 30 individu yang dikaitkan dengan pencerobohan oleh kumpulan lelaki Sulu bersenjata di Kampung Tanduo, Lahad Datu pada Februari 2013.

Saksi itu memberitahu mahkamah bahawa beliau membuat laporan bertulis berkaitan analisis itu selain memasukkan data analisis ke dalam cakera padat.

Sebanyak 27 warga Filipina dan tiga penduduk tempatan menghadapi antara satu dan beberapa pertuduhan iaitu menjadi anggota kumpulan pengganas serta melancarkan perang terhadap Yang di-Pertuan Agong.

Mereka juga didakwa merekrut anggota untuk kumpulan pengganas atau sengaja melindungi individu yang mereka tahu adalah anggota kumpulan pengganas.

Kesalahan itu didakwa dilakukan antara 12 Feb dan 10 April, 2013.

Perbicaraan di hadapan Hakim Stephen Chung yang berlangsung di Jabatan Penjara Sabah bersambung esok.

-- BERNAMA



Yayasan Sabah-Petronas Berganding Bahu Pulihara KPNI

Laporan Khas Oleh Emin Madi

ULU KINABATANGAN (Sabah), 27 Okt (Bernama) -- Tomas Sayang tidak pernah membayangkan bahawa ilmu yang sangat berharga dipelajari daripada generasi terdahulu berkaitan tumbuhan perubatan akan menjadikannya insan istimewa suatu hari kelak.

Baru-baru ini, beliau membawa empat spesimen tumbuhan liar dan memperjelaskan kegunaan perubatannya kepada sekumpulan wartawan semasa acara khas anjuran PETRONAS dan Yayasan Sabah (YS) di Kampung Imbak.

Lelaki berusia 59 tahun ini berasal daripada masyarakat Orang Sungei di Imbak, kampung terpencil di Ulu Kinabatangan, yang boleh dikunjungi melalui perjalanan darat empat jam dari Kota Kinabalu.

Beliau mendakwa sudah bertahun-tahun menggunakan tumbuhan perubatan dikenali sebagai Langot, Ambiau, Saringkarang dan Topok untuk menyembuhkan penyakit seperti sakit kepala, batuk serta demam.

Anak kampung ini adalah hasil kejayaan kerjasama pemuliharaan berterusan oleh YS-PETRONAS yang turut merangkumi Program Pendampingan Masyarakat (PPM) untuk melatih masyarakat tempatan tentang pemuliharaan biodiversiti.

Kerjasama YS-PETRONAS dimeterai melalui Memorandum Persefahaman pada tahun 2010 melambangkan komitmen padu kedua-dua organisasi dalam memulihara keaslian ekologi di Ngarai Imbak untuk generasi masa depan.

Perkongsian kerjasama ini bertujuan membuka peluang aktiviti ekonomi kepada penduduk setempat terutamanya mereka yang tinggal berdekatan Kawasan Pemuliharaan Ngarai Imbak (KPNI) untuk memperbaiki taraf kehidupan mereka tanpa menjejaskan alam sekitar.

YS dan PETRONAS aktif menjalankan pembinaan keupayaan di kalangan penduduk yang tinggal di pinggir KPNI termasuk latihan kraftangan dan program inap desa.

Orang Sungei di Imbak merupakan antara masyarakat pribumi Sabah yang berpengetahuan luas tentang persekitaran mereka berdasarkan kehidupan mereka yang begitu hampir dengan alam semula jadi.

Sehubungan itu, PMM yang meliputi tiga mukim berdekatan KPNI, mengumpul maklumat berkaitan adat resam, budaya, bahasa dan aktiviti sosio-ekonomi mereka.

Melalui perancangan ini, [Akademi Sains Malaysia](#), kumpulan pemikir dalam hal berkaitan sains, kejuruteraan, teknologi dan inovasi di Malaysia, akan memainkan peranan penting dalam memberi pimpinan.

Di bawah kerjasama Perkongsian Pemuliharaan Ngarai Imbak YS-PETRONAS ini, PETRONAS menyumbangkan RM83 juta dalam dua fasa ke arah pemuliharaan KPNI seluas 30,000 hektar.

Fasa pertama adalah tajaan RM6 juta yang merangkumi pembinaan Pusat Maklumat Ulu Kinabatangan dan jeti di Kampung Imbak.

Sejumlah RM77 juta lagi disumbangkan pada tahun 2013 di bawah kerjasama perkongsian untuk pembinaan PPNI dan kemudahan berkaitan.

Sementara itu, Zurien Ong, Timbalan Editor Going Places, majalah dalam penerbangan Malaysia Airlines, memberi sokongan padu kepada pemuliharaan KPNI.

"Kita patut bangga memilikinya (KPNI) di Malaysia sedangkan di negara lain tidak ada.

"Ia bagus untuk pelancongan eko dan sebab itu ramai orang datang untuk mengalaminya sendiri. PPNI juga amat penting bagi masa depan.

"Walaupun laluan di dalam hutan susah bagi sesetengah orang tapi mereka akan faham betapa pentingnya memulihara tempat seperti ini," katanya.

Pada tahun 2003, Yayasan Sabah secara sukarela menetapkan Ngarai Imbak sebagai kawasan pemuliharaan bagi tujuan penyelidikan, pendidikan, latihan dan rekreasi.

Kawasan pemuliharaan lain di Sabah ialah Lembah Danum, Lembangan Maliau dan Persisiran Pantai Silam.

-- BERNAMA